

# Rakyat mesti sedia berkongsi

BH - 4/4/2007

## Raja Dr Nazrin gariskan tujuh syarat capai matlamat bina negara bangsa

Oleh Rohaniza Idris

**K**UALA LUMPUR: Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah menggariskan tujuh langkah yang boleh dilaksanakan Malaysia dalam memastikan usaha berterusan untuk proses pembinaan negara bangsa pada masa depan.

Baginda bertitah, garis panduan pertama ialah rakyat pelbagai bangsa, agama dan tinggal di pelbagai tempat berbeza, mesti mempunyai kepercayaan bahawa mereka tinggal dalam sebuah negara yang sama.

"Hanya apabila setiap warga negara yakin mereka tinggal dan berusaha mencapai matlamat sama, mereka akan melakukan pengorbanan dalam perjalanan mereka yang panjang.

"Di negara ini, Perlembagaan, Rukun Negara dan Wawasan 2020 memberi perlindungan hak, harapan serta aspirasi penduduk, yang tidak terkandung dalam dokumen lain.

"Oleh itu, integriti dokumen berkenaan mesti dipertahankan dan dibajai terutama Perlembagaan negara," katanya dalam ucapan tama Perbincangan Meja Bulat Belia Malaysia Mengenai Perpaduan dan Pembangunan Negara anjuran Majlis Peguam dan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Asli, Datuk Dr Michael Yeoh dan Presiden Majlis Peguam Malay-

sia, Ambiga Sreenevasan.

Raja Nazrin bertitah, bagi membangunkan negara, bangsa kita perlu berhati-hati dan tidak boleh menganggap masalah tidak akan wujud ketika melaksanakannya.

"Di negara ini, seperti juga negara lain, ada kumpulan yang bersifat keterlaluan, menentang perpaduan, menghalang perubahan sosial serta cuba menguasai politik.


"Kewujudan kumpulan ini tidak bermakna pembangunan negara tidak diperlukan dan jangan sekali-kali menganggap ia kerja sia-sia, sebaliknya kita jadikan ia sebagai dorongan untuk rakyat berusaha mencari jalan mengatasi perbezaan itu," titahnya.

Raja Nazrin bertitah, garis panduan ketiga adalah pembinaan negara bangsa memerlukan kesediaan untuk menerima antara satu sama lain dan bertolak ansur.

"Kita tidak seharusnya idealistik sehingga tidak praktikal dalam menangani sesuatu isu. Kita tidak seharusnya membiarkan kesempurnaan menjadi musuh kepada perkara yang baik.

Baginda bertitah, langkah keempat untuk memastikan pembinaan bangsa negara berjaya adalah mengelakkan penyelesaian menerusi cara paksaan kerana ia akan menggagalkan usaha pembangunan negara.

"Kita perlu ingat bahawa apabila



**DETIK CERIA:** Raja Dr Nazrin bersalaman dengan peserta Perbincangan Meja Bulat Belia Malaysia Mengenai Perpaduan dan Pembangunan Negara di Kuala Lumpur, semalam.

penyelesaian tidak diperoleh mengikut struktur politik dan sosial sedia ada, akan wujud dorongan yang kuat untuk kita menggunakan cara yang tidak sah," titahnya.

Kelima, titah baginda, pembinaan negara bangsa dapat dilaksanakan apabila masyarakat berfikiran terbuka, bertolak ansur dan mempunyai sikap ingin maju.

Baginda bertitah, langkah keenam ialah memastikan proses pembinaan negara bangsa berjalan berbanding hasil yang diperoleh.

Langkah ketujuh, titah baginda ialah ganjaran politik, sosial dan ekonomi mesti berpihak kepada mereka yang berkelakuan baik dan mereka bertindak sebaliknya dikenakan hukuman.